

29 AUG 1996

K'JAAN SETUJU KURANGKAN TEMPOH LAYAK BEBAS CUKAI DI LABUAN KPD 24 JAM

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk memendekkan tempoh kelayakan untuk pembelian bebas cukai di Labuan daripada 72 jam kepada 24 jam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Pengumuman beliau itu mendapat tepukan gemuruh daripada perhimpunan masyarakat kewangan yang berada di sini untuk menyaksikan majlis perasmian Ujana Kewangan dan pelancaran Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) oleh perdana menteri.

"Ia (pemendekan tempoh itu) seharusnya dapat memperbaiki tarikan Labuan sebagai destinasi membeli belah bebas cukai," katanya. Bagaimanapun, beliau tidak memberitahu tarikh bila peraturan itu akan dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata bila lebih banyak orang mengunjungi Labuan, kekerapan perkhidmatan penerbangan juga akan bertambah bagi memudahkan perjalanan ahli-ahli perniagaan dan pelancong.

"Dalam hubungan ini, kita akan cuba menjadikan Labuan sebuah tempat yang mampu dikunjungi pelancong dan bagi kos perjalanan masyarakat perniagaan dikekalkan serendah yang boleh," katanya.

Kadar tarif untuk perkhidmatan telekomunikasi di Labuan juga seharusnya berdayasaing supaya ia menjadi daya tarikan untuk menubuhkan perniagaan dan pejabat di pulau ini.

Dr Mahathir berkata Labuan mempunyai banyak perkara untuk ditawarkan kepada pelawat yang ingin bekerja sambil berlibur seperti menikmati percutian yang bersih dan sihat.

Beliau berkata tidak lama lagi sebuah padang gold 18 lubang akan siap untuk menampung keperluan mereka yang bermain golf dan kemudahan lain seperti memancing, menyelam dan sukan laut yang lain juga sedang disediakan dan dipakejkan untuk para pelancong dan pelawat.

"Labuan ialah tempat yang sesuai untuk menjauhkan diri daripada hutan batu dan tekanan kehidupan sebuah bandar raya," katanya.

Tetapi, perdana menteri berkata ia juga merupakan tempat bagi tokoh-tokoh bank dan ahli-ahli perniagaan untuk membincangkan soal kewangan, mendapatkan kepakaran antarabangsa tentang bagaimana untuk memaksimumkan pulangan ke atas pelaburan atau meminimumkan kos bagi pinjaman "semasa menikmati pantai dan mentari dan segala keindahan alam".

Dr Mahathir juga berkata seseorang itu juga boleh menaiki pesawat ke Layang-Layang, pusat percutian menyelam utama di Malaysia, atau ke Gua Mulu, gua terbesar di dunia. -- BERNAMA

SHY SIA